

PENGURUSAN FATWA DALAM KRISIS DI MALAYSIA: STRATEGI DAN CABARAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

Crisis Fatwa Management In Malaysia: Strategies And Challenges During The COVID-19 Pandemic

Muhammad Zaki Ramle^{1a*}, Mohd Anuar Ramli^{2b}, Nor Fahimah Mohd Razif^{3c} & Mohd Harifadilah Rosidi^{4d}

^aAkademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor, MALAYSIA.
Emel: muhdzakiramle@gmail.com¹

^bJabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
Emel: mohdanuar@um.edu.my²

^cJabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
Emel: norfahimah@um.edu.my³

^dFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.
Emel: harifadilahrosidi@gmail.com⁴

*Corresponding Author: muhdzakiramle@gmail.com

Received: 28 Jun 2025

Accepted: 26 September 2025

Published: 30 September 2025

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.30no3.720>

Abstrak	Abstract
Tahun 2020 menjadi detik hitam dalam sejarah dunia apabila pandemik COVID-19 mengubah norma sosial, ekonomi, dan keagamaan. Dalam konteks ini, institusi fatwa di Malaysia memainkan peranan penting dalam memberikan panduan keagamaan yang selari dengan norma baharu dan peraturan kesihatan awam. Namun, fatwa yang dikeluarkan sepanjang tempoh ini menghadapi tentangan, mencetuskan keresahan dalam masyarakat apabila aktiviti keagamaan perlu diubah atau dihadkan bagi mematuhi sekatan pandemik. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis strategi dan kaedah yang digunakan oleh institusi fatwa dalam	The year 2020 marked a dark chapter in world history as the COVID-19 pandemic reshaped social, economic, and religious norms. In this context, fatwa institutions in Malaysia played a crucial role in providing religious guidance aligned with the new norms and public health regulations. However, the fatwas issued during this period faced resistance, causing unease within society as religious activities had to be modified or restricted to comply with pandemic-related restrictions. This study aims to analyze the strategies and methods employed by fatwa institutions in disseminating fatwa information throughout the Movement Control Order (MCO) and the COVID-19 pandemic phases. A qualitative

menyampaikan maklumat fatwa sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan fasa pandemik COVID-19. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen dan temu bual mendalam. Temu bual dijalankan dengan informan dari Jabatan Mufti Negeri Selangor, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dan Jabatan Mufti Negeri Perak bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai strategi yang dilaksanakan untuk meningkatkan pemahaman, penerimaan dan kepatuhan masyarakat terhadap fatwa yang dikeluarkan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa institusi fatwa telah mengadaptasi pelbagai strategi dalam mengoptimalkan penyebaran fatwa kepada masyarakat, termasuk pengeluaran fatwa berkaitan COVID-19, penggunaan platform digital dan media sosial, penerbitan penulisan ilmiah serta penyampaian melalui khutbah Jumaat. Kajian ini menyumbang kepada wacana pengurusan fatwa dengan memberikan gambaran tentang keberkesanan strategi penyampaian fatwa dalam situasi krisis. Penemuan ini diharapkan dapat membantu institusi fatwa dalam merangka strategi yang lebih berkesan bagi menghadapi cabaran pempfatwaan pada masa hadapan serta meningkatkan penglibatan masyarakat terhadap pematuhan fatwa. Kata kunci: : Digitalisasi Fatwa; Ijtihad Kolektif; Institusi Fatwa; Pandemik; Strategi Fatwa	approach was adopted, utilizing document analysis and in-depth interviews. Interviews were conducted with informants from the Selangor Mufti Department, the Federal Territories Mufti Office, and the Perak Mufti Department to obtain up-to-date information on the strategies implemented to enhance public understanding, acceptance, and compliance with issued fatwas. The collected data were analyzed using thematic analysis. The findings indicate that fatwa institutions have adapted various strategies to optimize fatwa dissemination, including issuing COVID-19-related fatwas, leveraging digital platforms and social media, publishing scholarly writings, and delivering messages through Friday sermons. This study contributes to the discourse on fatwa management by providing insights into the effectiveness of fatwa dissemination strategies during crises. These findings are expected to assist fatwa institutions in formulating more effective strategies for future fatwa challenges and enhancing public engagement in fatwa compliance. Keywords: Fatwa Digitalisation; Collective Ijtihad; Fatwa Institution; Pandemic; Fatwa Strategy
--	--

1. PENGENALAN

Institusi fatwa merupakan badan berautoriti yang menjadi rujukan penting dalam menangani permasalahan agama yang melibatkan tatacara kehidupan umat Islam. Kewujudan institusi fatwa memastikan pelaksanaan hukum syarak sentiasa selari dengan prinsip-prinsip syariah. Di Malaysia, fatwa yang dikeluarkan mencakupi pelbagai aspek kehidupan seperti ibadat,

muamalat, akidah, termasuk juga isu-isu kontemporari berkaitan sains dan teknologi. Sehubungan itu, institusi fatwa memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan masyarakat Islam di negara ini kerana setiap fatwa yang diputuskan sentiasa mengambil kira keperluan semasa dan berubah mengikut arus perkembangan zaman. Tambahan pula, kemajuan teknologi yang pesat mendorong institusi fatwa untuk lebih proaktif dalam menangani keperluan serta permasalahan yang timbul dalam kalangan masyarakat (Omar & Husin, 2020).

Dalam usaha memastikan relevansi fatwa, institusi ini berdepan dengan pelbagai cabaran, antaranya perkembangan Revolusi Industri 4.0, kemunculan teknologi kecerdasan buatan (AI) serta krisis kesihatan global seperti pandemik COVID-19. Penularan wabak COVID-19 merupakan krisis kemanusiaan terbesar abad ke-21 yang memberi kesan signifikan terhadap kesihatan global dan kesejahteraan masyarakat. Sehubungan itu, pihak kerajaan Malaysia telah mengambil langkah bagi membendung wabak COVID-19 dengan memperkenalkan norma baharu seperti penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan penguatkuasaan prosedur operasi standard (SOP).

Walau bagaimanapun, amalan norma baharu yang diperkenalkan ini memberi impak langsung terhadap perubahan sosial dan pelaksanaan ibadah umat Islam (Ramle et al., 2023). Pembatasan sosial yang dilaksanakan telah mengubah hukum berkaitan aktiviti keagamaan seperti penangguhan solat jumaat, pengurangan bilangan jemaah di masjid, penjarakan saf, larangan merentas negeri serta sekatan terhadap ibadah haji dan umrah. Lantaran itu, fatwa yang dikeluarkan bagi menyesuaikan amalan ibadah dengan situasi pandemik telah menerima tentangan daripada sebahagian pihak dan mencetuskan kebimbangan dalam kalangan masyarakat apabila aktiviti keagamaan tidak dapat dilaksanakan (Ismail et al., 2025). Keengganan sesetengah pihak untuk mematuhi fatwa dan SOP turut mencetuskan ketegangan dalam kehidupan beragama, sekaligus mencetuskan polemik dalam pempfatwaan (Ramle et al., 2022; Salleh et al., 2021).

Berdasarkan fenomena tersebut, institusi fatwa di Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan menerapkan pendekatan dan strategi yang lebih inklusif dalam meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan keyakinan masyarakat terhadap kepentingan mematuhi fatwa. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan menganalisis strategi pempfatwaan dalam menangani cabaran fatwa semasa pandemik COVID-19. Kajian ini turut meneliti bentuk pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh institusi fatwa dalam memperkasakan penyampaian maklumat fatwa ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan sepanjang fasa pandemik COVID-19.


2. KAJIAN LITERATUR

2.1 *Teori Pengurusan Strategi*

Secara umumnya, strategi dapat difahami sebagai suatu bentuk perancangan yang disusun secara sistematik dan teratur dengan mengambil kira pelbagai faktor yang relevan bagi menjamin pencapaian matlamat atau kejayaan sesebuah organisasi (DBP, 2010). Dalam konteks pengurusan, Moidunny (2010) mentakrifkan pengurusan strategi sebagai suatu proses yang holistik dan berstruktur yang merangkumi elemen perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan kawalan bagi tujuan memastikan hala tuju organisasi tercapai secara efektif. Seterusnya, Novianto (2019) menyebutkan bahawa pengurusan strategi turut melibatkan pembuat keputusan dan pelaksanaan tindakan berdasarkan analisis menyeluruh terhadap faktor dalaman dan luaran organisasi demi memastikan pencapaian matlamat jangka panjang secara berkesan.

Selain itu, pengurusan strategi merangkumi pelan tindakan yang bersifat praktikal bagi mencapai misi dan objektif organisasi melalui suatu rangka kerja yang tersusun serta sistematik. Menurut Edaris (1997), sesebuah pelan strategi yang berkesan lazimnya mengandungi elemen-elemen utama seperti visi, misi, matlamat dan nilai teras organisasi. Meskipun masa depan sukar untuk diramalkan secara tepat, pengurusan strategi tetap memainkan peranan penting sebagai alat analisis yang membolehkan organisasi mengenal pasti serta memahami tekanan dan perubahan dalam persekitarannya secara terancang (Yaakub et al., 2022).

Keberkesanan strategi yang diterapkan dalam sebuah organisasi sangat bergantung kepada kejayaan proses pengurusan strategi yang sistematik. Kegagalan strategi dalam mencapai objektif organisasi atau institusi disebabkan analisis strategi yang tidak tepat dan pelaksanaan strategi yang tidak konsisten (Novianto, 2019). Justeru, pihak yang diberi tanggungjawab dalam pengurusan sesebuah organisasi perlu memastikan bahawa setiap proses dan prosedur dilaksanakan dengan cekap dan disokong oleh analisis persekitaran yang menyeluruh serta perumusan strategi yang tepat. Di samping itu, kepimpinan organisasi perlu menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memastikan setiap anggota organisasi memiliki pengetahuan dan kemahiran yang selaras dengan peranan serta tanggungjawab mereka mengikut struktur hierarki organisasi. Sebagai rumusan, Rajah 1 di bawah menggambarkan proses penghasilan pengurusan strategi yang berkesan dalam sesebuah organisasi :



Rajah 1. Proses Pengurusan Strategi (Novianto, 2019)

2.2 Strategi Pemfatwaan Di Malaysia

Institusi fatwa di Malaysia telah menerapkan konsep pengurusan strategi dalam proses penentuan hukum sejak awal penubuhannya lagi. Pelaksanaan strategi ini dapat dilihat melalui peranan Jawatankuasa Fatwa atau Lajnah Fatwa yang berfungsi secara kolektif dalam membantu Jabatan Mufti negeri mengeluarkan fatwa (Ibrahim et al., 2019). Pengalaman institusi fatwa yang telah lama beroperasi turut menjadikannya sebuah badan yang matang dalam menangani isu-isu agama. Perkembangannya dalam menangani pelbagai isu semasa masyarakat yang semakin kompleks membuktikan peranannya sebagai platform utama dalam memenuhi keperluan serta tuntutan umat Islam masa kini.

Dalam proses pembuatan dan penyebaran fatwa, ia melibatkan pengamalan pengurusan yang sistematik dan berstrategi dalam menetapkan keputusan hukum dan undang-undang (Wan Khairuldin et al., 2019). Sebagai contoh dalam proses membuat fatwa, seorang Mufti akan mengarahkan suatu kajian atau penyelidikan yang ingin dijalankan terlebih dahulu. Seterusnya, mesyuarat Jawatankuasa Fatwa akan diadakan bagi membincangkan dan menilai cadangan fatwa tersebut. Setelah mesyuarat berlangsung, Mufti akan mengemukakan fatwa yang dipersetujui kepada Majlis Agama Islam Negeri untuk pertimbangan dan penelitian lanjut sebelum disyorkan kepada Sultan bagi mendapatkan perkenan untuk diwartakan secara rasmi (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, 2003).

Kemudian, fatwa yang telah diwartakan akan disebarkan kepada masyarakat melalui pelbagai saluran termasuk penerbitan rasmi seperti Warta Kerajaan, kompilasi buku fatwa, majalah, risalah serta surat edaran yang diedarkan ke masjid dan surau di peringkat kariah. Selain medium bercetak, penyebaran juga dilaksanakan melalui teknologi digital seperti laman sesawang rasmi dan media sosial seperti Facebook. Di samping itu, pendekatan secara langsung turut digunakan, antaranya melalui penganjuran kursus kepada individu

berautoriti dalam komuniti kariah seperti Pegawai Agama Daerah, Imam, pegawai masjid, guru agama dan guru Takmir (Hamid et al., 2018).

Sehubungan itu, proses pengeluaran dan penyebaran fatwa ini mencerminkan pelaksanaan elemen pengurusan strategi yang berperanan penting dalam menentukan prestasi jangka panjang sesebuah institusi. Ia bergantung kepada faktor persekitaran dalaman dan luaran serta melibatkan proses penilaian, perumusan dan pelaksanaan strategi (Wheelen et al., 2015). Kegagalan dalam merangka strategi yang berkesan boleh menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap kebolehan institusi fatwa dan keberkesanan fatwa dalam menyelesaikan isu-isu yang timbul (Buang, 2016).

Berdasarkan tinjauan literatur yang dilakukan, kajian yang menyentuh tentang strategi institusi fatwa dan pemerkasaannya telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji. Strategi yang digunakan dapat dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu strategi dalaman dan strategi luaran. Strategi dalaman melibatkan usaha-usaha untuk menambah baik prosedur serta meningkatkan kualiti pengeluaran fatwa (Mohd Shah & Fauzi, 2018), termasuk juga aspek profesionalisme mufti (Rahmani et al., 2020; Rosidi et al., 2021a). Sementara itu, strategi luaran pula merangkumi kajian terhadap pengukuhan penyampaian fatwa melalui media seperti televisyen (Hussain et al., 2020), penggunaan media sosial oleh institusi fatwa (Ashaari et al., 2020; Rosidi et al., 2022; Zain et al., 2019) serta inisiatif ke arah penyelarasan fatwa di peringkat negeri (Asni & Sulong, 2017; Salleh et al., 2021). Secara keseluruhan strategi-strategi yang dilaksanakan oleh Institusi fatwa dalam usaha memperkasakan maklumat penyampaian fatwa adalah seperti dalam rajah 2 di bawah:



Rajah 2: Strategi Institusi Fatwa di Malaysia

2.3 Strategi Dalaman Institusi Fatwa

Institusi fatwa telah mengaplikasikan strategi dalaman bagi meningkatkan kualiti dalam proses pengeluaran fatwa. Strategi ini diterapkan melalui dua pendekatan utama yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri dalam menangani isu semasa iaitu penyelidikan dalaman dan penyelidikan lapangan (Mohd Shah & Fauzi, 2018). Pendekatan dalaman merangkumi kajian kepustakaan yang berpandukan sumber hukum Islam seperti al-Quran, hadis serta mempertimbangkan prinsip-prinsip syariah termasuk aspek masalah dan mafsadah dalam proses penetapan fatwa. Penilaian terhadap isu-isu berkenaan dilakukan dengan mengambil kira kaedah *masalih al-mursalah*, *sadd al-dhara'i*, *al-'urf* dan kaedah-kaedah fiqh yang relevan. Seterusnya kajian fiqh turut merujuk kepada karya-karya ulama terdahulu dan semasa, termasuk keputusan fatwa yang pernah dikeluarkan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Sementara itu, pendekatan kedua melibatkan penyelidikan lapangan yang dijalankan secara langsung di lokasi tertentu melalui kaedah seperti pemerhatian, soal selidik, temu bual serta mendapatkan pandangan pakar dalam bidang yang berkaitan.

Selain meningkatkan kualiti penghasilan fatwa, terdapat juga strategi meningkatkan mutu profesionalisme seorang mufti. Profesionalisme merujuk kepada kompetensi individu yang berpengalaman, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam bidang tertentu bagi menjamin keberkesanan kerja. Kajian menunjukkan bahawa pelantikan mufti dengan kelayakan akademik tinggi khususnya dalam bidang Syariah di peringkat sarjana atau kedoktoran, mampu menjadi pemangkin kepada perubahan positif institusi fatwa (Majid, 2016; Rahim et al., 2009). Hal ini terbukti apabila Jawatankuasa Fatwa Negeri di Perlis, Terengganu dan Pahang memenuhi tiga kriteria utama dalam pemilihan mufti, iaitu mempunyai pendidikan tinggi, pengkhususan dalam bidang Syariah dan latar belakang akademik kukuh (Rosidi et al., 2021). Aspek-aspek ini diyakini memperkukuh profesionalisme mufti serta meningkatkan keupayaan institusi fatwa menghasilkan penyelidikan yang berkualiti, berautoriti dan berintegriti (Rahman et al., 2020; Rosidi et al., 2021).

2.4 Strategi Luaran Institusi Fatwa

Strategi luaran yang digunakan oleh institusi fatwa merangkumi usaha memperkukuh penyebaran fatwa melalui saluran media massa seperti televisyen dan platform media sosial, di samping inisiatif penyeragaman fatwa antara negeri bagi memastikan penyampaian maklumat yang lebih tersusun dan berkesan. Menurut kajian Hussain et al. (2020), TV AlHijrah memainkan peranan penting dalam memperkasakan institusi fatwa melalui pelbagai program penyiaran berasaskan hukum Islam. Antara langkah utama yang

diambil adalah memastikan setiap penceramah jemputan memiliki tauliah mengajar yang sah dan memastikan pandangan yang dikemukakan tidak bercanggah dengan fatwa. Bagi menjamin ketepatan dan kesahihan pandangan hukum yang disampaikan, pihak penyiaran akan merujuk kepada Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan terlebih dahulu untuk mendapatkan pengesahan atau kebenaran khas bagi para penceramah. Langkah ini penting bagi mengelakkan percanggahan antara pandangan individu dan fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti.

Selain itu, Jabatan Mufti turut memanfaatkan media sosial sebagai medium utama dalam memperluaskan jangkauan penyebaran fatwa kepada masyarakat. Perkembangan teknologi maklumat telah mendorong perubahan dalam penyampaian ilmu, di mana akses kepada fatwa secara dalam talian kini menjadi satu norma baharu yang diterima oleh para ulama dan institusi Islam (Rosidi et al., 2021b). Menurut Ashaari et al. (2020), kehadiran Jabatan Mufti dalam ruang digital boleh dianalisis melalui dua saluran utama iaitu laman sesawang dan platform media sosial. Laman sesawang berfungsi sebagai pusat maklumat rasmi yang memuatkan pelbagai rujukan berkaitan fatwa dan urusan mufti negeri. Manakala, platform sosial seperti Facebook, Telegram, YouTube dan TikTok pula digunakan sebagai saluran hebahan umum yang merangkumi penjelasan hukum, penyampaian fatwa, berita semasa, aktiviti jabatan, kenyataan rasmi serta edaran pekeliling.

Dengan adanya platform-platform seperti ini, penyertaan Jabatan Mufti dalam dunia maya secara tidak langsung dapat meningkatkan penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Islam Malaysia. Buktinya kajian yang dijalankan oleh Rosidi et al. (2022) dan Zain et al. (2018) menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat Malaysia memberikan respons yang positif serta berpuas hati terhadap penggunaan media sosial sebagai saluran untuk memperoleh maklumat berkaitan fatwa. Hal ini kerana media sosial dalam talian dilihat sebagai platform yang efektif dalam menjelaskan isu-isu hukum, membantu meningkatkan pemahaman, mengatasi kekeliruan serta memudahkan orang ramai mengikuti perkembangan fatwa terkini.

Selain penglibatan aktif Jabatan Mufti menggunakan media sosial sebagai saluran penyampaian maklumat fatwa, usaha penyeragaman fatwa di peringkat negeri turut dilaksanakan sebagai salah satu strategi luaran bagi mengelakkan kekeliruan masyarakat terhadap perbezaan pandangan hukum. Ketidakteraturan fatwa boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat serta menjejaskan kredibiliti institusi fatwa sebagai badan autoritatif. Antara strategi yang digunakan untuk menyelaraskan fatwa-fatwa negeri adalah dengan cara memasuki akta, enakmen dan ordinan dalam Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam setiap negeri berkenaan penggunaan

metode rujukan pandangan qawl muktamad mazhab syafi'I (Asni & Sulong, 2017).

Pada masa yang sama, prinsip asas yang membolehkan penyelarasan ini berlaku ialah dengan merujuk kepada isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan nasional dan melibatkan hal ehwal negara. Kewujudan peruntukan khusus seperti "Fatwa yang berkaitan dengan kepentingan nasional" dan "Penerimaan nasihat serta syor daripada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan" memberikan justifikasi yang sah bagi melaksanakan usaha penyelarasan dan penyeragaman fatwa di peringkat kebangsaan (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor, 2003). Sehubungan itu, strategi pelaksanaan enakmen dan peruntukan tertentu termasuk merujuk kepada *qawl muktamad* mazhab Syafi'i, menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan serta menyelaraskan fatwa yang menyentuh kepentingan nasional secara tidak langsung membolehkan penyeragaman fatwa antara negeri-negeri tercapai.

Pendekatan ini turut diaplikasikan semasa krisis pandemik COVID-19, di mana setiap fatwa yang dikeluarkan telah menerima pakai pandangan dan syor daripada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kerana ia melibatkan isu berskala nasional, sekali gus berjaya diwartakan di peringkat negeri (Kamil et al., 2021). Meskipun tidak semua negeri mempunyai peruntukan sedemikian seperti yang terdapat di Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Negeri Sembilan, fatwa berkaitan pandemik COVID-19 tetap diterima pakai dan dilaksanakan secara seragam di seluruh negara.

Sehubungan itu, sorotan terhadap kajian-kajian terdahulu mengenai strategi pempfatwaan menunjukkan bahawa pendekatan yang digunakan sebelum ini dilihat berkesan. Namun, semasa pandemik, timbul persoalan penting mengenai strategi yang diguna pakai oleh institusi fatwa dalam usaha mengurangkan risiko ketidakpatuhan masyarakat terhadap fatwa. Adakah institusi fatwa masih bergantung kepada pendekatan konvensional, atau telah memperkenalkan strategi baharu dalam penyampaian fatwa sepanjang tempoh pandemik? Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis strategi pempfatwaan yang telah dilaksanakan oleh institusi fatwa di Malaysia sepanjang penularan wabak COVID-19.

3. METODOLOGI


Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah pengumpulan data melalui analisis kepustakaan dan temu bual separa berstruktur. Kaedah analisis kepustakaan membolehkan pengkaji untuk

meninjau kajian-kajian lepas mengenai strategi dan pemerkasaan institusi fatwa di Malaysia dengan merujuk sumber akademik terkini. Sumber data kepustakaan diperoleh daripada buku ilmiah, jurnal, makalah, dan dokumen rasmi yang relevan bagi menyokong kajian ini. Kaedah temu bual separa berstruktur digunakan bagi memperoleh pandangan, pendapat dan pengalaman para informan berkaitan strategi pempfatwaan semasa penularan pandemik COVID-19. Temu bual separa berstruktur membolehkan penyelidik menetapkan jumlah soalan asas, di samping berupaya menambah soalan tambahan semasa sesi berlangsung bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam bergantung kepada budi bicara penemubual dan respons informan (Darusalam & Hussin, 2021).

Temu bual telah dijalankan secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet bersama tiga informan dari Jabatan Mufti Negeri. Mereka adalah Dr. Syed Shahridzan bin Syed Mohamed merupakan Ketua Penolong Mufti (S48) dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Ustaz Haji Kamaruddin bin Adam iaitu Ketua Penolong Mufti (S48) dari Jabatan Mufti Negeri Perak dan Ustaz Abdul Wahid bin Ishak iaitu Penolong Mufti Kanan (S44) dari Jabatan Mufti Negeri Selangor. Saiz sampel ini mencukupi kerana penyelidikan kualitatif lazimnya menggunakan sampel kecil yang lebih berfokus pada pemahaman mendalam terhadap isu yang dikaji.

Pemilihan tiga Jabatan Mufti Negeri dibuat berdasarkan tahap keaktifan mereka dalam penyebaran maklumat pempfatwaan. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dan Jabatan Mufti Negeri Perak dipilih kerana peranan mereka yang aktif dalam media sosial (Ashaari et al., 2020), manakala Jabatan Mufti Negeri Selangor dipilih kerana negeri ini pernah mencatatkan kes harian tertinggi jangkitan COVID-19 di Malaysia sewaktu fasa pandemik (Hamid, 2021). Dalam sesi temu bual, ketiga-tiga informan diminta memberikan pandangan berkaitan cabaran serta strategi penyampaian fatwa semasa pandemik COVID-19. Data yang diperoleh daripada sesi temu bual kemudiannya dianalisis secara tematik melalui proses pengkodan dan pengkategorian mengikut tema-tema yang telah dikenal pasti. Akhir sekali, analisis lengkap berserta dapatan kajian dibentangkan dalam bentuk laporan deskriptif.

4. HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN



Rajah 3. Analisis Dapatan Temubual

Penularan pandemik COVID-19 secara meluas di peringkat global telah mendorong kerajaan Malaysia untuk mengambil langkah drastik dalam mengawal penyebaran wabak demi menjaga keselamatan negara. Pandemik COVID-19 bukan sahaja memberi cabaran kepada pihak berkuasa dalam mengawal penularan wabak, tetapi juga memberi cabaran baru terhadap Institusi fatwa di Malaysia dalam mengeluarkan hukum agar selari dengan norma baharu yang ditetapkan oleh kerajaan. Hasil analisis temu bual mendapati bahawa institusi fatwa berhadapan dengan pelbagai cabaran sepanjang tempoh pandemik, khususnya dari segi penyelidikan, pentadbiran, pengurusan serta penerimaan masyarakat terhadap fatwa yang dikeluarkan. Bagi menangani cabaran tersebut, institusi fatwa telah merangka beberapa strategi utama dalam penyebaran maklumat, antaranya pengeluaran fatwa berkaitan COVID-19, penggunaan saluran media sosial, penerbitan penulisan ilmiah serta penglibatan aktif jawatankuasa masjid dan surau dalam menyebarkan fatwa kepada masyarakat.

4.1 Strategi Pertama: Mengeluarkan Fatwa Berkaitan COVID-19

Pengeluaran fatwa berkaitan COVID-19 merupakan strategi utama institusi fatwa dalam memberi panduan hukum bagi mencegah penularan wabak. Memandangkan isu ini melibatkan kepentingan nasional, perbincangan dilakukan secara kolektif melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas MKI bersama pihak berkaitan. Badan ini berperanan menyelaraskan fatwa kebangsaan dengan mengeluarkan ketetapan penting seperti hukum dan garis panduan solat berjemaah, pengurusan jenazah pesakit COVID-19, penangguhan haji, penggunaan vaksin, ujian saringan, pembayaran zakat fitrah, pelaksanaan akad nikah serta keharusan solat jamak bagi petugas kesihatan.

Keputusan Muzakarah Khas MKI diterima secara luas dan diwartakan di peringkat negeri, sekali gus mengikat masyarakat untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan (Salleh et al., 2021). Ketidakpatuhan terhadap fatwa ini boleh dikenakan tindakan undang-undang kerana ia mempunyai implikasi perundangan selaras dengan Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (Saifuddin et al., 2024). Walaupun penyelarasan ini berjaya, institusi fatwa tetap berdepan dengan cabaran baharu yang menuntut kepada kajian segera agar keputusan pempfatwaan kekal relevan dan mampu memberi panduan jelas kepada masyarakat.

Keperluan mempercepatkan kajian fatwa semasa pandemik turut dijelaskan oleh informan kajian. Jika sebelum pandemik, mesyuarat fatwa hanya diadakan sekali atau dua kali sebulan. Namun semasa pandemik, ia berlangsung lebih kerap dengan prosedur yang lebih ketat. Peningkatan jumlah fatwa yang perlu dikeluarkan menuntut kajian segera agar masyarakat mendapat pandangan hukum yang jelas dalam tempoh singkat (Informan 1, temu bual, 21 Ogos 2023). Perubahan ini menunjukkan bahawa proses pempfatwaan memerlukan komitmen tinggi serta kerjasama erat daripada ahli jawatankuasa. Penghasilan fatwa yang berkualiti menjadi asas penting bagi membantu mufti memutuskan hukum yang relevan dengan tuntutan semasa.

4.2 Strategi Kedua: Menggunakan Saluran Media Sosial Dalam Penyebaran Fatwa

Saluran media sosial telah menjadi platform utama bagi pelbagai pihak untuk menyebarkan maklumat. Ia berfungsi sebagai medium untuk berinteraksi secara meluas di samping dapat dicapai oleh pelbagai lapisan

masyarakat sama ada di bandar, luar bandar ataupun pedalaman. Namun semasa pandemik COVID-19, kebanyakan program fizikal anjuran Jabatan Mufti terpaksa ditangguhkan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Antara program yang terkesan ialah “*Mesra Ummah Bersama Jabatan Mufti*” anjuran Jabatan Mufti Negeri Selangor, iaitu program mingguan berbentuk tazkirah Jumaat dan dialog bersama Mufti selama 30 minit yang tidak dapat dijalankan secara bersemuka (Informan 2, temu bual, 25 Ogos 2023). Akibatnya, banyak maklumat penting berkaitan pengisian agama tidak dapat disampaikan secara langsung kepada Masyarakat.

Bagi mengekalkan kesinambungan penyebaran maklumat keagamaan, strategi digital diperkenalkan dengan memanfaatkan platform maya secara lebih sistematik. Antara langkah signifikan yang berjaya dilaksanakan termasuklah penganjuran program dalam talian, penghasilan infografik hukum serta pelaksanaan sistem *Taudhih al-Hukmi* yang membolehkan masyarakat mengemukakan pertanyaan dan mendapatkan jawapan hukum berkaitan isu-isu COVID-19 (Informan 2, temu bual, 25 Ogos 2023). Sistem ini bukan sahaja disiarkan melalui laman rasmi Facebook Jabatan Mufti, malah turut menampilkan fungsi filter mengikut kategori hukum di laman web *Taudhih al-Hukmi*, sekali gus meningkatkan aksesibiliti dan kebolehcapaian maklumat fatwa kepada pelbagai lapisan masyarakat (Jabatan Mufti Negeri Selangor).

Selain platform digital rasmi, penyebaran fatwa diperluaskan melalui forum ilmiah, webinar dan siaran langsung di televisyen serta media sosial. Program seperti *Forum Perdana Ehwal Islam* “Vaksin: Cegah Sebelum Kalah” dan siri webinar berkaitan cabaran institusi mufti ketika pandemik memberi ruang kepada masyarakat untuk memahami kedudukan hukum dengan lebih jelas. Di samping pengisian digital, pendekatan *outreach* secara fizikal juga dilaksanakan melalui program *roadshow* vaksin ke agensi kerajaan dan badan beruniform yang dianjurkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bagi memberi penjelasan lanjut tentang isu-isu hukum yang timbul (Informan 1, temu bual, 21 Ogos 2023). Oleh itu, strategi ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran masyarakat, malah berperanan membetulkan salah tanggapan terhadap fatwa di peringkat akar umbi.

Meskipun strategi digital memberikan impak positif, namun terdapat beberapa kelemahan yang boleh menjejaskan tahap keberkesanannya. Menurut salah seorang informan, keterbatasan kemahiran teknologi maklumat dalam kalangan sebahagian tenaga kerja jabatan mufti menyebabkan proses adaptasi terhadap medium digital tidak dapat dilaksanakan dengan lancar (Informan

kajian 3, temu bual, 29 Ogos, 2023). Kekangan ini menimbulkan cabaran dalam aspek pengurusan program dalam talian serta penyediaan bahan digital yang sesuai dengan keperluan semasa. Implikasi daripada kelemahan tersebut wujudnya risiko penyebaran fatwa yang tidak konsisten, sekali gus mengurangkan keberkesanan penyampaian maklumat hukum.

4.3 Strategi Ketiga: Menerbitkan Penulisan Ilmiah

Dalam konteks pematfaan digital, institusi fatwa telah menerbitkan pelbagai bahan seperti buku digital, artikel ilmiah, e-brosur, dan FAQ berkaitan COVID-19. Penerbitan ini bertujuan menyediakan panduan hukum kepada masyarakat secara lebih sistematik dan mudah diakses bagi memenuhi keperluan pengguna dari pelbagai latar belakang. Tambahan lagi, penerbitan digital sifatnya adalah fleksibel, boleh menyimpan dalam format PDF, mencetaknya serta boleh membaca pada bila-bila masa mengikut kesesuaian masing-masing.

Sebagai contoh, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) telah menjadikan aspek penyelidikan sebagai salah satu fokus utama dalam membimbing umat Islam sepanjang pandemik COVID-19 (Informan kajian 1, temu bual, 21 Ogos, 2023). Salah satu inisiatif yang diambil adalah penerbitan artikel ilmiah yang menjawab persoalan hukum di laman media sosial rasmi PMWP. Walaupun jawapan yang diberikan adalah dalam bentuk ringkas dan padat, penghasilan artikel yang mendalam dari segi perbincangan membuka peluang kepada para pengkaji untuk menjadikannya sebagai bahan rujukan akademik (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020).

Manakala artikel-artikel yang telah selesai dijawab, disemak, dan disahkan oleh mufti akan dikategorikan dalam beberapa siri penerbitan seperti Bayan Linnas, Irsyad al-Fatwa, Al-Kafi Li al-Fatawi, Al-Afkar, Irsyad al-Hadis dan Irsyad Usul al-Fiqh. Sehingga kini, sebanyak 45 penulisan berkaitan COVID-19 telah diterbitkan oleh pegawai penyelidik PMWP bagi menjelaskan persoalan agama berkaitan pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020).

Di peringkat Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pula, penerbitan bahan digital turut diperkasakan dengan penerbitan e-book secara bersiri dan percuma. Antaranya ialah e-Book al-Bayan Siri ke-6 yang membincangkan isu penjarakan fizikal dalam solat berjemaah di masjid dan surau, al-Bayan Siri ke-7 mengenai hukum dan permasalahan pengambilan vaksin COVID-19 serta al-Bayan Siri ke-13 yang bertajuk "*Takut Allah atau Takut COVID-19?*". Selain itu, buku "*Soal Jawab Fiqh COVID-19*" turut diterbitkan bagi menjawab persoalan-

persoalan semasa berkaitan hukum ibadah dan muamalat sepanjang pandemik (Ramle et al., 2022).

Secara ringkasnya, penerbitan bahan digital dalam bentuk e-book merupakan medium dakwah yang efektif kerana ia mudah diakses, boleh disimpan dalam format digital dan tidak memerlukan kos penerbitan yang tinggi (Awang, 2010). Dengan adanya e-book ini, ia mampu menjelaskan isu-isu hukum berkaitan COVID-19 dengan lebih terperinci serta dengan dalil syarak, pandangan ulama dan kaedah fiqh yang relevan. Oleh itu, penggunaan platform digital dalam penyebaran fatwa membolehkan masyarakat mendapatkan maklumat dengan lebih cepat, sistematik dan berasaskan sumber yang sahih.

4.4 Strategi Keempat: Pemanfaatan Peranan Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau

Selain media sosial, laman web, forum dan penulisan ilmiah, masjid dan surau turut berfungsi sebagai pusat rujukan penting dalam penyebaran maklumat fatwa yang sahih kepada masyarakat. Sepanjang pandemik COVID-19, institusi fatwa mengoptimumkan peranan imam, bilal, guru takmir dan AJK masjid sebagai pemudah cara dalam menyampaikan maklumat SOP ibadah yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Mereka bukan sahaja menerima maklumat secara langsung daripada institusi fatwa, malah berperanan sebagai wakil rasmi Jabatan Mufti dalam menyampaikan kefahaman serta kesedaran jemaah di peringkat akar umbi (Hamid et al., 2018).

Walaupun strategi ini telah dilaksanakan dalam usaha memperluaskan penyebaran maklumat fatwa, institusi fatwa tetap berdepan dengan beberapa cabaran iaitu kesukaran memberi pemahaman mengenai SOP kepada warga asing di masjid akibat halangan bahasa serta wujudnya kecenderungan masyarakat yang suka membandingkan SOP antara negeri lain (Informan kajian 2, temu bual, 25 Ogos, 2023). Perbezaan peraturan ini menyebabkan sesetengah jemaah sukar untuk memahami dan menyesuaikan diri dengan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama di negeri masing-masing.

Bagi mengatasi cabaran ini, Jabatan Mufti Negeri telah melaksanakan strategi yang menumpukan penyampaian maklumat fatwa kepada kumpulan sasaran tertentu. Menurut informan 3, bagi isu-isu yang berkaitan dengan permasalahan ibadah di masjid dan surau, pihak Jabatan Mufti memberi tumpuan kepada penerangan secara langsung kepada jemaah di tempat ibadah

tersebut bagi memastikan pemahaman yang lebih jelas dan tepat (Informan kajian 3, temu bual, 29 Ogos, 2023). Pendekatan ini bukan sahaja membantu mengurangkan salah faham dalam kalangan masyarakat, tetapi juga memastikan fatwa yang dikeluarkan dapat dipraktikkan dengan lebih berkesan dalam komuniti masjid dan surau.

Selaras dengan inisiatif ini, Jabatan Agama Islam Negeri di beberapa negeri seperti Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, dan Terengganu telah menyediakan teks khutbah Jumaat bagi meningkatkan kesedaran ahli kariah tentang kepentingan vaksinasi. Sebagai contoh, khutbah Jumaat yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Perak (2021) bertajuk "*Mencegah Wabak COVID-19: Tanggungjawab Bersama*" menekankan beberapa aspek utama, antaranya:

1. Seruan memutuskan rantai jangkitan COVID-19, bagi mengurangkan beban petugas kesihatan, pasukan keselamatan, agensi penguat kuasa agama serta jabatan kebajikan.
2. Seruan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
3. Seruan kepada masyarakat untuk mendaftarkan diri bagi vaksinasi dan mematuhi jadual giliran vaksin yang telah ditetapkan.
4. Seruan kepada pihak berkuasa agar memudahkan akses vaksinasi, khususnya bagi golongan uzur dan mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

Oleh yang demikian, peranan institusi masjid sebagai medium penyebaran maklumat amat signifikan dalam meningkatkan kesedaran dan keyakinan masyarakat terhadap sesuatu isu. Masjid juga memainkan peranan penting dalam memastikan akses maklumat yang lebih cepat kepada penduduk luar bandar dan pedalaman, yang mungkin menghadapi kesukaran untuk mendapatkan maklumat terkini jika perlu hadir ke bandar atau lokasi tertentu. Justeru, masjid bukan sahaja menjadi pusat ibadah tetapi juga institusi utama dalam penyebaran ilmu agama termasuk melalui khutbah Jumaat dan tazkirah yang melibatkan ahli kariah. Strategi ini menunjukkan bahawa institusi fatwa telah mengaplikasikan pendekatan dakwah dalam penyebaran fatwa secara sistematik dan efektif.

4.5 PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis data daripada ketiga-tiga informan, dapat dirumuskan bahawa institusi fatwa telah melaksanakan pelbagai strategi secara optimum sepanjang pandemik COVID-19 bagi memastikan fatwa yang dikeluarkan

dapat difahami serta dipatuhi oleh masyarakat. Walaupun secara keseluruhannya strategi-strategi ini memberi impak positif, tahap keberkesannya berbeza bergantung pada medium yang digunakan serta konteks pelaksanaannya.

Hasil analisis pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa strategi yang terbukti berkesan. Antaranya termasuklah pengeluaran fatwa berkaitan COVID-19, penggunaan media sosial, penerbitan penulisan ilmiah serta penglibatan aktif Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau. Pengeluaran fatwa melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas MKI menunjukkan keberkesanan yang tinggi kerana bukan sahaja memberikan panduan hukum yang jelas dalam isu semasa, malah turut mempunyai kekuatan undang-undang setelah diwartakan di peringkat negeri (Salleh et al., 2021; Saifuddin et al., 2024). Kegagalan masyarakat mematuhi fatwa dan SOP yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan undang-undang termasuk denda.

Pengkaji juga mendapati terdapat pendekatan terbaru yang diperkenalkan oleh jabatan mufti melalui strategi *outreach* secara fizikal iaitu program *roadshow* vaksin yang menyasarkan komuniti akar umbi dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan. Strategi ini terbukti berkesan kerana mampu meluruskan salah tanggapan mengenai vaksin serta meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap keputusan fatwa. Kajian oleh Ali Sheikhi et al. (2025) dan Niu et al. (2024) turut menunjukkan apabila pencerahan berkaitan kesihatan dan vaksin disampaikan oleh golongan agamawan atau pemimpin agama, masyarakat lebih cenderung mempercayai nasihat tersebut, sekali gus menyumbang kepada peningkatan tahap pematuhan terhadap arahan kesihatan awam.

Selain itu, pemanfaatan media sosial dan platform digital juga merupakan strategi dominan yang terbukti efektif. Fatwa dapat disebarkan dengan lebih pantas dan meluas melalui infografik, penulisan ilmiah, forum dalam talian, webinar serta siri Fiqh COVID-19 di YouTube. Begitu juga, penerbitan ilmiah dalam bentuk e-book, artikel, FAQ dan siri *Bayan Linnas* memberi impak positif kerana bahan digital yang sistematik, mudah dimuat turun dan boleh disimpan menjadi sumber rujukan jangka panjang untuk masyarakat awam dan penyelidik akademik.

Meskipun strategi digital dan pemanfaatan jaringan institusi masjid dilihat membawa impak positif, kedua-duanya masih berdepan dengan kelemahan yang boleh menjejaskan keberkesannya. Pertama, strategi penggunaan media sosial masih terbatas disebabkan jurang kemahiran teknologi maklumat dalam kalangan sebahagian tenaga kerja jabatan mufti. Faktor usia dan tempoh perkhidmatan yang lama telah menimbulkan kekangan literasi digital kerana

kebanyakan mereka lebih terbiasa dengan pendekatan manual (Zapletal et al., 2023). Keadaan ini selari dengan dapatan kajian König & Seifert (2022) yang mendapati golongan berusia lebih lambat menyesuaikan diri dengan teknologi baharu semasa pandemik COVID-19 akibat kurang keyakinan dan pengalaman. Kekangan ini menjejaskan kecekapan dalam pengendalian siaran langsung, penghasilan bahan digital berkualiti dan pengurusan interaksi maya secara pantas.

Kedua, strategi pemanfaatan peranan Ahli Jawatankuasa (AJK) masjid dan surau didapati kurang berkesan kerana berdepan cabaran bahasa yang menyukarkan pemahaman warga asing. Akibatnya, masih terdapat sebahagian mereka yang gagal mematuhi SOP ibadah sama ada kerana tidak memahami arahan atau berlaku salah tafsir. Kajian Loganathan et al. (2024) turut menunjukkan bahawa halangan bahasa, kekurangan akses maklumat rasmi dan salah tafsir arahan kesihatan menjadi faktor utama ketidakpatuhan populasi migran terhadap SOP. Hal ini membuktikan bahawa faktor bahasa kekal sebagai cabaran signifikan dalam memastikan fatwa dan SOP benar-benar difahami serta dipatuhi oleh semua lapisan masyarakat.

Oleh yang demikian, dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi asas penting bagi institusi fatwa dalam merangka strategi pempfatwaan yang lebih sistematik, pantas dan berkesan bagi menghadapi cabaran pada masa hadapan khususnya dalam konteks bencana atau krisis kesihatan global. Kajian ini telah berjaya mengisi jurang penyelidikan terdahulu dengan meneliti strategi khusus yang dilaksanakan oleh institusi fatwa semasa pandemik COVID-19. Penemuan strategi baharu tersebut bukan sahaja dapat melengkapi strategi sedia ada, malah turut memperkaya wacana pempfatwaan dalam aspek penyelidikan dan pengurusan fatwa.

Sebagai langkah ke hadapan, kajian ini mencadangkan pembinaan satu kerangka garis panduan pempfatwaan bagi menghadapi situasi bencana dan krisis di Malaysia. Kerangka ini wajar merangkumi aspek metodologi pempfatwaan dalam situasi kecemasan, tatacara penyelarasan fatwa di peringkat kebangsaan dan negeri serta strategi komunikasi fatwa yang efektif kepada masyarakat. Pada masa yang sama, penyelidikan lanjutan mengenai impak sesuatu fatwa dan kesan jangka panjangnya terhadap masyarakat perlu dijalankan bagi memastikan setiap keputusan memberi manfaat dan mengelakkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam.

Sehubungan itu, cadangan strategi pempfatwaan dalam situasi krisis (pasca-pandemik) menuntut kepada pembinaan satu kerangka yang sistematik dan responsif dengan penekanan kepada lima aspek utama seperti yang dirumuskan dalam Jadual 1 berikut:

No.	Aspek	Fokus Utama
1	Pendigitalan Penuh	Memperkasa penyelidikan, penerbitan dan penyebaran fatwa secara digital.
		Membolehkan proses pengeluaran fatwa lebih pantas, telus dan mudah diakses masyarakat.
2	Mekanisme <i>Rapid Response</i> (Tindak Balas Pantas)	Menubuhkan jawatankuasa khas atau ad-hoc untuk bertindak segera semasa bencana atau kecemasan.
		Memastikan fatwa dikeluarkan dengan cepat, tepat, dan relevan melalui kerjasama multidisiplin bersama pakar perubatan, agensi kerajaan dan ahli akademik.
3	Program Latihan Berterusan	Memberi latihan kepada tenaga kerja Jabatan Mufti, pegawai agama, dan AJK masjid.
		Meningkatkan celik teknologi serta mengatasi jurang literasi digital dalam kalangan tenaga kerja.
4	Penyelarasan Kebangsaan dan Negeri	Memastikan keseragaman fatwa dan SOP di seluruh negara.
5	Pendekatan Inklusif	Mengambil kira kepelbagaian latar belakang masyarakat termasuk warga asing dan penduduk luar bandar.
		Memastikan fatwa benar-benar difahami, diterima dan diamalkan oleh semua pihak.

Jadual 1: Kerangka Strategi Pemfatwaan Dalam Situasi Krisis.

Dengan pelaksanaan kerangka strategi ini, institusi fatwa bukan sahaja mampu mengekalkan relevannya dalam menangani krisis masa hadapan, malah dapat berfungsi sebagai autoriti hukum yang lebih proaktif, dinamik dan dipercayai dalam memenuhi keperluan masyarakat Islam pada era digital ini.

5. KESIMPULAN

Fenomena penularan wabak COVID-19 telah memberikan pengalaman baharu serta cabaran besar kepada institusi fatwa di Malaysia. Penularan yang berlaku secara pantas memaksa kerajaan dan institusi fatwa merangka polisi keselamatan serta strategi baharu bagi mengawal penularan virus. Perubahan ini bukan sahaja memberi kesan kepada norma sosial, malah turut mempengaruhi amalan beragama. Bagi menangani cabaran tersebut, institusi

fatwa telah melaksanakan pelbagai strategi seperti pengeluaran fatwa COVID-19 yang bersifat segera dan responsif, pemanfaatan media sosial, penerbitan bahan ilmiah serta penggemblengan peranan AJK masjid dan surau sebagai penghubung komunikasi fatwa kepada masyarakat. Meskipun strategi digital dan jaringan institusi masjid membawa impak positif, kedua-duanya masih berdepan dengan kelemahan dan cabaran yang perlu diberi perhatian.

Bagi memperkukuh peranan institusi fatwa pada masa hadapan, kajian ini mencadangkan pembinaan kerangka strategi pempfatwaan semasa krisis yang lebih sistematik dan responsif. Kerangka ini merangkumi pendigitalan penuh dalam aspek penyelidikan serta penyebaran fatwa, pelaksanaan mekanisme *rapid response* agar fatwa dapat dikeluarkan dengan lebih pantas dan relevan serta latihan berterusan untuk meningkatkan celik teknologi dalam kalangan pegawai agama.

Selain itu, penyelarasan fatwa di peringkat kebangsaan dan negeri perlu diperkukuh bagi memastikan keseragaman pandangan hukum dan SOP, di samping mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Pendekatan inklusif juga wajar diberi perhatian dengan mengambil kira kepelbagaian latar belakang masyarakat termasuk warga asing dan penduduk luar bandar supaya fatwa benar-benar difahami, diterima dan diamalkan oleh semua pihak. Justeru, dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi asas penting dalam membantu institusi fatwa merangka strategi yang lebih berkesan dan dinamik bagi menghadapi cabaran pada masa hadapan.

6. PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya melalui Geran Khas Penyelidikan (GKP) UMG032L-2022. Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama sepanjang pelaksanaan kajian ini. Ucapan terima kasih khusus ditujukan kepada Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Jabatan Mufti Negeri Perak atas kerjasama dan sokongan yang diberikan sepanjang proses pengumpulan data.

7. RUJUKAN

- Ab Rahmani, M. F., Thaidi, H. A. A., & Ab Rahmani, A. (2020). Cabaran institusi fatwa di Malaysia dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0.
- Ahmad Hidayat Buang. (2016). Memperkukuhkan kredibiliti institusi fatwa dalam menghadapi cabaran semasa di Malaysia. Kertas Kerja Seminar Isu-Isu Kefatwaan Kontemporari 2016: *Fiqh Kontemporari Dalam Menepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia* pada 10 Mac 2016. International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia.
- Ali Sheikhi, R., Heidari, M., & Doosti, P. (2025). The role of religious leaders in the acceptance of COVID-19 vaccinations: a systematic review. *BMC Public Health*, 25(1), 2683.
- Ashaari, M. F., Rasit, R. M., Ismail, Z., & Ramzy, M. I. (2020). Wacana Islam di Facebook Jabatan-Jabatan Mufti Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, 17, 66-77.
- Awang, N. H. (2010). Buku vs e-buku: Transformasi era digital. *Jurnal Persatuan Pustakawan Malaysia*, 4, 49-56.
- Darusalam, G., & Hussin, S. (2021). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian* (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Edaris, Abbu Bakri (1997) [Pengurusan Strategik Kualiti Di Kalangan Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Di Negeri Perak](#). Masters thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor. (2003).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor. (2003).
- Hamid, A. A. (2021). Selangor kekal catat kes baharu harian tertinggi COVID-19. *My Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/680991/selangor-kekalcatat-kes-baharu-harian-tertinggi-covid-19>
- Hamid, S. A., Ahmad, K., & Dato, M. A. (2018). Kedinamikan penyampaian fatwa negeri-negeri di Malaysia: Penilaian adaptasi berdasarkan "Kirkpatrick Model of Evaluation." *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 27, 73-a.
- Hussain, A., Ahmad, M. K., & Muhammad, M. Z. (2020). Strategi memperkasakan institusi fatwa melalui TV: Analisis pengamalan di TV AlHijrah. *Persatuan Ulama' Malaysia (PUM): Pemerkasaan Institusi Islam di Malaysia—Melakar Kecemerlangan Masa Hadapan*. Persatuan Ulama' Malaysia. ISBN: 978-983-2306-43-6.
- Ibrahim, A., Ibrahim, A., Jelani, A. B., & Noor, S. A. M. (2019). Pelaksanaan ijhtihad kolektif di Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 2(2), 58-69.

- Ismail, F. H., Shamsudin, R., & Bakar, S. K. S. A. (2025). Autoriti dan Legitimasi dalam Pengeluaran Fatwa Semasa Pandemik COVID-19: Analisis Peranan Mufti dan Ancaman Fatwa Tidak Berautoriti. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 6(1), 46-56.
- Jabatan Agama Islam Negeri Perak (2021). Mencegah Wabak COVID-19: Tanggungjawab Bersama. *Teks Khutbah Jumaat*. 4 Jun 2021. Retrieved from <https://share.google/XcDymwYHer2XkifJ5>.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. Laman Sesawang *Taudhih al-Hukmi*. Retrieved from <https://www.muftiselangor.gov.my/artikel-ilmiah/>.
- Loganathan, T., Zaini, A. Z., Kunpeuk, W., Suphanchaimat, R., Yi, H., Farwin, A., & Majid, H. A. (2024). Challenges faced by migrant populations in complying with public health measures during the COVID-19 pandemic in Malaysia: A qualitative study. *BMJ Public Health*, 2(2).
- Majid, M. Z. H. A. (2016). Aplikasi fiqh kontemporari dalam menangani persoalan hukum baru kefatwaan. *International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia*. Retrieved from <https://iaais.org.my>
- Moidunny, K. (2012). Pengurusan strategik: Konsep dan aplikasinya dalam organisasi pendidikan. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 21(1), 47-66.
- Niu, L., Miraj, M., Chuntian, L., ur Rehman, R., & Shereen, S. (2024). Global coronavirus vaccination campaign: The role of religious workers in vaccine distribution, public mobilization and the eradication of nationalism. *Work*, 77(1), 3-21.
- Novianto, E. (2019). *Manajemen strategis* (Cetakan pertama). Yogyakarta: Penerbit Deepublish.
- Omar, S. N. A. C., & Hussin, M. N. M. (2020). Pemakaian kaedah-kaedah fekah dalam institusi fatwa di Wilayah Persekutuan dari tahun 2010-2014: The application of legal maxims in fatwa institutions in Federal Territory from 2010-2014. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 7(2), 55-85.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2020). Peranan PMWP dalam mengharungi cabaran hukum Islam semasa. ISBN: 978-967-19797-0-9.
- Rahim, R. A. A., Ismail, P., & Dahlal, N. H. M. (2009). Ijtihad dalam institusi fatwa di Malaysia: satu analisis. *Jurnal Syariah*, 17(1), 195-222.
- Ramle, M. Z., & Ramli, M. A. (2022). Isu penerimaan dan penolakan fatwa berkaitan COVID-19 dalam kalangan masyarakat Islam Malaysia. *Paradigma Ilmu Islam dan Realiti Semasa*. UiTM Cawangan Perak 2022. eISBN: 978-967-2776-07-9.
- Ramle, M. Z., Ramli, M. A., & Mohd Razif, N. F. (2023). Analisis Perubahan Hukum Dari Fasa Pandemik Kepada Fasa Endemik COVID-19 Di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 24(1), 51-75.

- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Abdul Majid, M. N. (2021a). Profesionalisme mufti dan ahli-ahli jawatankuasa fatwa negeri: Analisis terhadap Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, Pahang dan Terengganu. *Journal of Fatwa Management and Research*, 71-98.
- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Abdul Majid, M. N. (2021b). Pemerkasaan profesionalisme mufti dan ahli-ahli jawatankuasa fatwa negeri: Analisis terhadap Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. In *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021*.
- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Abdul Majid, M. N. (2022). Penggunaan media dalam talian menurut perspektif Maqāṣid al-Shari'ah: The use of online media in the perspective of Maqāṣid al-Shari'ah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(3), 78-105.
- Saifuddin, S., Salleh, M. K. M., Tajuddin, H. H. A., & Yahya, M. A. (2024). Kepentingan Pewartaan Fatwa Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Analisis: Importance Of Gazettement Of Fatwa In The Enforcement Of Syariah Criminal Law In Malaysia: An Analysis. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(4), 20-31.
- Salleh, M. K. M., Bahori, A., Manaf, M. F. A., Zhaffar, N. M., & Suhaimee, S. (2021). Impak pandemik COVID-19 terhadap penyeragaman dan penyelarasan fatwa di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 33(2), 269-286.
- Shah, M. F. M., & Pauzi, N. (2018). Metodologi pengeluaran fatwa di Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor: Fatwa production methods in Johor State Fatwa Committee. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13(1), 70-88.
- König, R., & Seifert, A. (2022). Digitally savvy at the home office: computer skills of older workers during the COVID-19 pandemic across Europe. *Frontiers in sociology*, 7, 858052.
- Wan, W. M. K. F. B., Embong, A. H., Hassan, S. A., Yasin, M. F. M., & Anas, W. N. I. W. N. (2019). Strategic management in fatwa-making process. *Academy of Strategic Management Journal*, 18(4), 1-6.
- Wheelen, T. L., Hunger, J. D., Hoffman, A. N., & Bamfort, C. E. (2015). *Strategic management and business policy: Globalization, innovation and sustainability* (14th ed.). Pearson Education Limited. ISBN: 978-1-292-06794-0.
- Yaakub, N. W. S., Chekima, B., Ansar, R., & Lada, S. (2022). The relationship between strategic management planning and leadership skills. *Journal of the Asian Academy of Applied Business (JAAAB)*, 7, 138-159.
- Zain, A. M., Ahmad, K., Rahman, M. N. A., Hamid, S. A., Dahaman, M. A. D., Paidi, Z., & Hamzah, M. H. (2019). Ulama dan media sosial: Bentuk dan dokumentasi penyebaran maklumat fatwa di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 ke-3*.

Zapletal, A., Wells, T., Russell, E., & Skinner, M. W. (2023). On the triple exclusion of older adults during COVID-19: technology, digital literacy and social isolation. *Social Sciences & Humanities Open*, 8(1), 100511.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.